

**KAEDAH BAKI BERKURANGAN (REDUCING BALANCE METHOD)
UNTUK PEMBIAYAAN SEWA BELI
MENURUT AKTA SEWA BELI (PINDAAN) 2026**

Soalan Lazim (FAQ)

1. Apakah Kaedah Baki Berkurangan (Reducing Balance Method – RBM)?

RBM ialah kaedah pembiayaan di mana faedah/keuntungan dikira berdasarkan baki pembiayaan. Apabila baki pembiayaan berkurangan dari semasa ke semasa, jumlah faedah/keuntungan yang dikenakan juga akan berkurangan.

2. Apakah Kadar Faedah/Keuntungan Efektif (Effective Interest/Profit Rate – EIR/EPR)?

EIR/EPR menunjukkan kos sebenar pembiayaan tahunan yang ditanggung oleh pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan. Ia dikira berdasarkan baki pembiayaan dan bukannya jumlah pembiayaan asal.

3. Bagaimanakah RBM berbeza daripada pembiayaan sewa beli kadar rata (flat rate) yang digunakan pada masa ini?

Kadar Rata (Kaedah Semasa): *Faedah/keuntungan dikira berdasarkan jumlah pembiayaan asal sepanjang tempoh pembiayaan.*

RBM: *Faedah/keuntungan dikira berdasarkan baki pembiayaan yang berkurangan apabila bayaran ansuran dibuat.*

4. Apakah manfaat utama RBM?

RBM menawarkan beberapa manfaat kepada pelanggan, antaranya:

- *Faedah/keuntungan dikira berdasarkan baki pembiayaan yang masih berbaki.*
- *Baki pembiayaan akan berkurangan dari semasa ke semasa apabila bayaran ansuran dibuat.*
- *Menyediakan maklumat mengenai kos pembiayaan sebenar melalui Kadar Faedah Efektif (EIR) / Kadar Keuntungan Efektif (EPR).*
- *Jumlah penyelesaian awal adalah berdasarkan baki pembiayaan yang masih berbaki dan faedah/keuntungan yang berkaitan.*
- *Memudahkan perbandingan antara pilihan pembiayaan Sewa Beli.*

5. Adakah pelanggan akan mendapat manfaat daripada penyelesaian awal di bawah RBM?

Ya. Penyelesaian awal boleh mengurangkan caj pembiayaan kerana faedah/keuntungan hanya dikenakan sehingga tarikh penyelesaian berdasarkan baki pembiayaan.

**KAEDAH BAKI BERKURANGAN (REDUCING BALANCE METHOD)
UNTUK PEMBIAYAAN SEWA BELI
MENURUT AKTA SEWA BELI (PINDAAN) 2026**

Soalan Lazim (FAQ)

6. Adakah RBM bermaksud ansuran bulanan akan berubah setiap bulan?

Tidak. Ansuran bulanan kekal tetap, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam perjanjian pembiayaan. Pengiraan RBM terutamanya mempengaruhi pengagihan antara prinsipal dan caj pembiayaan serta jumlah penyelesaian pembiayaan.

7. Mengapakah EIR/EPR di bawah RBM lebih tinggi berbanding kadar rata yang digunakan sebelum ini?

Kedua-dua kadar tersebut diukur menggunakan kaedah yang berbeza dan oleh itu tidak sepatutnya dibandingkan secara langsung.

- **EIR/EPR** menunjukkan kos sebenar pembiayaan berdasarkan baki pembiayaan yang semakin berkurangan.
- **Kadar Rata (Flat Rate)** dikira berdasarkan jumlah pembiayaan asal sepanjang tempoh pembiayaan.
Walaupun peratusannya mungkin kelihatan berbeza, jumlah keseluruhan caj pembiayaan ditentukan mengikut struktur pembiayaan yang berkenaan.

8. Bolehkah pelanggan membuat bayaran pendahuluan atau bayaran sebahagian lebih awal?

Ya. Pelanggan boleh membuat bayaran pendahuluan tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian pembiayaan masing-masing. Bayaran tersebut boleh membantu mengurangkan baki prinsipal pembiayaan dan berpotensi mengurangkan caj pembiayaan pada masa hadapan.

9. Adakah notis awal diperlukan sebelum membuat penyelesaian awal?

Pelanggan disarankan untuk menghubungi Pusat Pembiayaan Auto/Hab Auto Maybank bagi mendapatkan jumlah penyelesaian terkini serta prosedur yang berkenaan. Tempoh notis yang diperlukan, jika ada, adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian pembiayaan.

10. Bilakah Maybank akan melaksanakan RBM bagi pembiayaan sewa beli?

*Pelaksanaan RBM disasarkan berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2026**, selaras dengan keperluan kawal selia.*

**KAEDAH BAKI BERKURANGAN (REDUCING BALANCE METHOD)
UNTUK PEMBIAYAAN SEWA BELI
MENURUT AKTA SEWA BELI (PINDAAN) 2026**

Soalan Lazim (FAQ)

11. Adakah RBM akan menjejaskan komitmen bulanan saya yang sedia ada?

Tidak. RBM hanya terpakai kepada kemudahan pembiayaan sewa beli baharu yang ditawarkan di bawah rangka kerja baharu. Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli sedia ada akan terus tertakluk kepada terma dan syarat yang sedia ada, dan jumlah ansuran bulanan anda tidak akan berubah.

12. Bolehkah saya menukar Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli sedia ada daripada kaedah kadar rata semasa kepada RBM?

Tidak. Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli sedia ada akan terus tertakluk kepada terma dan syarat pembiayaan yang telah dipersetujui. RBM hanya terpakai kepada permohonan pembiayaan sewa beli baharu yang layak di bawah rangka kerja baharu.

13. Adakah terdapat sebarang yuran, caj atau penalti untuk beralih kepada RBM?

Tidak. Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli sedia ada tidak boleh ditukar atau dipindahkan kepada RBM.

Sekiranya anda ingin memohon kemudahan pembiayaan sewa beli baharu di bawah RBM, sebarang yuran dan caj yang berkaitan, jika ada, akan dimaklumkan semasa proses permohonan.

14. Apakah dokumen yang diperlukan sekiranya saya ingin memohon kemudahan pembiayaan sewa beli di bawah RBM?

Dokumen yang diperlukan mungkin berbeza bergantung kepada permohonan pembiayaan dan profil pelanggan. Maybank akan memaklumkan kepada pelanggan mengenai dokumen dan keperluan yang berkaitan semasa proses permohonan.

15. Bilakah saya boleh memohon pembiayaan sewa beli di bawah RBM?

*Pelanggan boleh memohon pilihan pembiayaan sewa beli Maybank yang tersedia di bawah RBM mulai **1 Ogos 2026**.*

**KAEDAH BAKI BERKURANGAN (REDUCING BALANCE METHOD)
UNTUK PEMBIAYAAN SEWA BELI
MENURUT AKTA SEWA BELI (PINDAAN) 2026**

Soalan Lazim (FAQ)

16. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut?

Pelanggan boleh mengunjungi Pusat Pembiayaan Auto/Hab Auto Maybank yang terdekat atau menghubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank untuk mendapatkan bantuan berkaitan:

- *Program Diskaun Muhibah (Goodwill Discount Programme)*
- *Pilihan pembiayaan sewa beli yang tersedia di bawah RBM*
- *Pertanyaan berkaitan penyelesaian awal pembiayaan*

Penafian: Soalan Lazim (FAQ) di atas disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Terma, syarat, kriteria kelayakan dan kaedah pengiraan pembiayaan sebenar adalah tertakluk kepada perjanjian pembiayaan Maybank/Maybank Islamic yang berkenaan serta keperluan kawal selia yang berkuat kuasa.